




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **112 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,234 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Tawau, Tenom dan Putatan. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 60 menjadikan jumlah kumulatif 54,244 orang. Seramai 549 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 238 orang di hospital dan 311 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 36 orang dan 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon jingga ke zon merah. Manakala Beluran bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 **Satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Belacon di daerah Lahad Datu pada hari ini menokok sembilan (9) kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 17 kes. Kes indeks merupakan lelaki, 22 tahun yang disahkan positif COVID-19 hasil saringan bergejala di sebuah klinik pada 31 Mac 2021. Susulan kes itu, saringan terhadap 195 individu yang merupakan kontak rapat serta pengunjung gereja mendapati 16 kes positif, manakala 137 individu didapati negatif saringan pertama dan 42 individu lagi masih menunggu keputusan. Hasil penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan daripada seorang petugas gereja bukan warganegara, 54 tahun, berasal dari Tawau. Beliau mula bergejala sejak 25 Mac 2021 dan didapati positif pada 04 April hasil saringan kontak rapat di sebuah klinik. Semua kes positif dalam kluster ini telah dirujuk ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan lanjut dan pengasingan di PKRC Lahad Datu. Kontak rapat yang lain diarahkan menjalani kuarantin di pusat kuarantin PPR Sri Sepagaya, Lahad Datu.

6 Daripada 112 kes positif COVID-19, sebanyak 39 kes (34.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 11 kes (9.8%) saringan bergejala, 50 kes (44.7%) dari kluster baharu dan sedia ada serta 12 kes (10.7%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,940 unit

- Hospital 542 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,978 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Peratus penggunaan katil 13.93%.

B PENDAFTARAN MAJLIS SOSIAL

Kerajaan Negeri Sabah menggalakan orang ramai / individu yang ingin mengadakan majlis sosial atau acara persendirian agar mendaftar melalui web aplikasi Sabah Trace yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri di pautan <https://sabahtrace.my/>. Langkah ini bagi memudahkan pihak berkuasa menjalankan pemantauan ke lokasi majlis yang didaftarkan. Penganjur majlis disaran sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan kompaun.

C PEMATUHAN SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAERAH TAWAU DAN KENINGAU

1. Bagi membendung kes COVID-19 merebak ke negeri-negeri, daerah dan lokaliti lain, Kerajaan Negeri **BERTEGAS** bahawa
 - Kemasukan ke daerah Tawau dan Keningau sama ada melalui udara atau jalan darat hanya untuk **PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)** sahaja dan perlu mendapatkan surat daripada ketua jabatan bagi mereka yang perlu bekerja di Tawau atau kebenaran daripada PDRM.
 - Hanya 30% kehadiran pekerja dari kumpulan pengurusan (Perkhidmatan Perlu) manakala pekerja dalam kumpulan sokongan akan ditentukan oleh majikan masing-masing dengan memastikan amalan penjarakan fizikal dan protokol kesihatan awam dapat dilaksanakan di tempat kerja.
 - SOP PKP yang **DITETAPKAN** bagi daerah Tawau dan Keningau perlu dipatuhi sepenuhnya.
 - Sebarang majlis sosial dan program-program rasmi Kerajaan **TIDAK BOLEH DIADAKAN** sepanjang PKP di daerah Tawau dan Keningau.
 - Pergerakan dalam tempoh PKP **TERHAD** kepada dua (2) orang sahaja dalam sebuah kenderaan.
2. Pihak penguatkuasa akan mengenakan tindakan mengkompaun kepada mereka yang gagal mematuhi SOP tanpa kompromi.

D ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH DI BAWAH PKP DI DAERAH TAWAU DAN KENINGAU

- 1 Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di daerah Tawau dan Keningau yang berkuatkuasa mulai 03 hingga 16 April 2021, Kerajaan Negeri mengambil ketetapan, semua operasi perkhidmatan dan operasi pentadbiran pejabat Kerajaan Negeri adalah dengan kapasiti kehadiran 30% di pejabat dan 70% bekerja dari rumah KECUALI bagi perkhidmatan perlu (essential services).
- 2 Semua penjawat awam adalah **DILARANG** bergerak keluar masuk di daerah Tawau.
- 3 Penjawat awam juga diingtkan agar sentiasa mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

E PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUNG MURNI C, NABAWAN, SABAH

- 1 KKM telah melaksanakan 17 ujian saringan di Kampung Murni C, Nabawan dan daripada jumlah itu, sebanyak enam (6) kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti adalah tinggi.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Murni C, Nabawan **bermula 7 April hingga 20 April 2021**, selaras dengan keputusan kerajaan persekutuan.
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk serta mengawal pergerakan dan penularan jangkitan dalam komuniti.

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **340** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **43,122** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **3,638** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **30,901** orang.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **297,277** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 37 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 19,053 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 33 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
 - Kota Kinabalu : dua (2) orang
 - Tidak memakai pelitup muka / tidak mengimbas mysejahtera.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 102 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 401 lokasi melibatkan seramai 172 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota di 115 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Sipitang, Kinabatangan dan Sandakan.
- 7 Sejumlah 70 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 17 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 146 hebahan di seluruh sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	97.5%
5	Kota Kinabalu	97.5%
6	Kudat	97%
7	Beaufort	97%
8	Penampang	97%
9	Papar	97%
10	Sandakan	97%
11	Kunak	97%
12	Lahad Datu	97%
13	Beluran	97%
14	Tuaran	97%
15	Ranau	96.6%
16	Kinabatangan	96.6%
17	Kota Belud	96.5%
18	Keningau	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
06 APRIL 2021**